

**KONVENSYEN HUFFAZ PERINGKAT KEBANGSAAN
JAKIM-UNITEN 2019**

“MELONJAK PARADIGMA HUFFAZ PROFESIONAL”

**SISTEM PEMBELAJARAN DAN KAEDAH HAFALAN AL-QURAN
YANG EFEKTIF : PERKONGSIAN PENGALAMAN
KARANTINA TAHFIZ MALAYSIA**

Disediakan Oleh:

ABDUL RAHMAN TALIB

Pengerusi ARTAB Sdn Bhd merangkap

Pengurus Karantina Tahfiz Malaysia

Tarikh:

22 Oktober 2019

KARANTINA TAHFIZ MALAYSIA

<http://karantinaahfizmalaysia.com>

ABSTRAK

Karantina Tahfiz Malaysia merupakan salah satu institusi yang mengalakkan proses hafalan al-Quran dalam jangka masa yang pendek dengan penguasaan yang baik di kalangan para pelajarnya. Karantina Tahfiz Malaysia memperkenalkan kaedah yang dikenali dengan Kaedah Yadaain iaitu satu kaedah yang terbukti dapat membantu para pelajar untuk menghafaz al-Quran dengan lebih pantas dari kaedah konvensional. Selain itu, penggunaan Kaedah Yadaain ini juga bertujuan untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja boleh menghafaz al-Quran tetapi juga dapat memahami Al-Quran secara tuntas. Selain dari mengenal pasti kumpulan sasaran program ini, ia juga membicarakan faktor kejayaan kritikal sejak Program ini dilancarkan pada November 2018.

KONVENSYEN HUFFAZ JAKIM-UNITEN 2019

1. PENGENALAN

Di negara kita masa kini, sememangnya terdapat pelbagai jenis pengajian tahfiz iaitu pusat pengajian dimana peserta berpeluang menghafal 30 juz Al Quran menggunakan pelbagai kaedah. Konsep setiap pusat pengajian juga berbeza. Ada yang berunsur pondok maahad tahfiz yang konvensional dimana fokus hanya kepada hafalan Al Quran sahaja. Ada juga pusat pengajian integrasi yang menawarkan kedua aliran akademik dan tahfiz didalam kurikulum mereka.

Terdapat banyak sekali contoh institusi cemerlang seperti ini bukan sahaja yang dijalankan oleh pihak kerajaan atau agensi kerajaan tetapi juga yang di usahakan oleh pihak swasta. Di peringkat sekolah menengah, ternyata terserlah sekolah-sekolah seperti Sekolah Menengah Asrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan juga Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab. Sementara itu di pengajian tinggi pula, Darul Quran di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan institusi pengajian tinggi yang mempunyai kolaborasi dengan Darul Quran adalah peneraju utama program tahfiz dinegara kitadisamping beberapa institusi yang lain. Dari segi sasaran umur pula, biasanya peluang pembelajaran ini terbuka kepada pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan juga pelajar institusi pengajian tinggi.

Secara ringkasnya, apa yang kami cuba perkenalkan ialah satu program jangka pendek yang memberi peluang dan ruang kepada semua lapisan umur dan latar belakang untuk cuba menghafal Al-Quran sebanyak mana yang boleh sepanjang program berlangsung dengan mengikuti kaedah apa yang dipanggil Kaedah Yadaain. Ianya merupakan satu kaedah pantas untuk hafalan dan memahami Al-Quran secara tuntas. Sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Qamar Ayat 17 :

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ ﴿١٧﴾

Maksudnya : “Dan demi sesungguhnya! Kami telah memudahkan Al-Quran untuk menjadi peringatan dan pengajaran, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan dan pelajaran (daripadanya)?”

Sejajar dengan aspirasi kerajaan, Program yang dianjurkan ini adalah berteraskan maqasid syariah dan berkonsepkan Ramatan Lil'Alamin. Jenama (branding) yang diperkenalkan adalah "Karantina Tahfiz Malaysia, dibawakan oleh ARTAB Sdn Bhd" adalah merupakan program intensif menghafal Al Quran, mengikuti kaedah yang berasal daripada Indonesia. Program " Hafal Quran Sebulan, Murajaah Seumur Hidup " ini berteraskan konsep pengasingan (kuarantin) iaitu meninggalkan hal-hal duniawi yang boleh mengganggu hafalan seperti telefon pintar dan sebarang hubungan media sosial semasa program berlangsung. Program hafalan ini adalah sepenuh masa selama 35 hari dan bersifat "fully residential".

Kaedah ini memberi peluang dan ruang kepada mereka khususnya yang bukan dari aliran agama untuk menghafal Al Quran sesuai dengan kekangan masa mereka sendiri. Sebagai contoh, mungkin seseorang itu berdaya meluangkan masa untuk hafalan intensif sesudah peperiksaan SPM semasa menunggu keputusan atau pun mungkin seseorang itu berkelapangan hanya selepas bersara. Memandangkan program ini adalah program hafalan, maka syarat Utama penyertaan ialah kebolehan membaca Al Quran bertajwid dengan lancar. Mungkin pendekatan yang diusahakan ini sedikit berlainan dengan tujuan konvensyen ini iaitu melahirkan huffaz profesional. Dari aspek yang lain, ianya adalah merupakan satu usaha menarik golongan professional untuk menjadi seorang huffaz.

2. LATAR BELAKANG

ARTAB Sdn Bhd, sebenarnya adalah singkatan kepada Abdul Rahman Talib Anak Beranak, adalah merupakan sebuah syarikat keluarga kami yang khusus menjalankan beberapa aktiviti dakwah sebagai satu platform kami sekeluarga membuat amal jariah. Setelah bergerak selama beberapa tahun secara tidak formal, maka ARTAB Sdn Bhd telah ditubuhkan secara rasminya, khas untuk membawa Program Karantina Tahfiz Al Quran kepada masyarakat di Malaysia.

Untuk tujuan ini, ARTAB Sdn Bhd telah menjalin Memorandum Persefahaman untuk menjadi rakan mitra Yayasan Karantina Tahfiz Al-Quran Nasional Indonesia di Malaysia. Yayasan Karantina Tahfiz Nasional telah diasaskan di Kuningan, Jawa

Barat Indonesia pada tahun 2014 oleh Ustaz Ma'mun Al Qurthuby Al-Hafiz dan Ustaz Yadi Iryadi Al-Hafiz. Program yang dinamakan Hafal Quran Sebulan Murajaah Seumur Hidup ini telah dijalankan dengan memperkenalkan Kaedah Yadain Litahfizhil Quran.

Program ini telah dijalankan di seluruh Indonesia dengan tertubuhnya lebih 80 cawangan di sana. Setelah empat tahun sejak ditubuhkan, telah terdapat hampir 10,000 orang para alumni. Yayasan ini mempunyai visi untuk terwujudnya satu hafiz/hafizah di dalam setiap keluarga Muslim di Indonesia pada tahun 2030.

3. TUJUAN

Ada pun tujuan kami memperkenalkan Program Hafal Quran Sebulan Murajaah Seumur Hidup ini ke Malaysia adalah sebagai satu usaha memberi ruang dan peluang untuk sesiapa sahaja yang berminat untuk menghafal Al Quran menerusi satu program tahfiz yang bukan konvensional. Namun, ianya tidak bermaksud menyaingi mana mana maahad ataupun institusi tahfiz sedia ada.

Keunggulan sistem program ini adalah ia berlandaskan konsep "Everyone Can Memorise", dimana ianya terbuka kepada semua lapisan umur dan latarbelakang. Antara lain, matlamat kami adalah untuk melahirkan golongan professional seperti akauntan, doktor, jurutera dan sebagainya, yang mempunyai Al Quran didada masing masing. Disamping itu, adalah diharapkan dengan bertambahnya mereka yang bukan saja menghafal tetapi juga memahami isi kandung Al Quran, sedikit sebanyak dapat membantu kerajaan dalam menangani masalah dan gejala sosial, yang rata rata terjadi akibat tiada kefahaman Al Quran dijiwa masing masing.


Akhirnya, semoga usaha ini akan dapat juga membantu mewujudkan seorang huffaz di setiap rumah muslim di Malaysia nanti.

4. KUMPULAN SASARAN

Khasnya kumpulan sasaran kami adalah

- a) Pelajar sekolah menengah yang sedang bercuti
- b) Pelajar lepasan SPM/STPM yang sedang menunggu kemasukan ke universiti atau pusat pengajian tinggi
- c) Pelajar IPTA/IPTS yang sedang bercuti semester
- d) Mahasiswa/i lepasan university yang baru selesai pengajian
- e) Orang dewasa dan pesara yang ingin merapatkan diri dengan Al Quran
- f) Para Imam, Bilal atau ahli jawatankuasa masjid atau surau yang ingin samada menambah hafalan baru mereka atau memurajaah hafalan lama mereka.

Sejak dilancarkan bermula November 2018 hingga Oktober 2019, ia telah berjaya menarik minat penyertaan seramai hampir 200 orang dari seluruh negara bahkan dari negara jiran seperti Singapura dan Brunei.




Rajah 1 : Peratusan Penyertaan Peserta Lelaki dan Perempuan

Bil	Negeri	Jumlah
1	Perlis	0
2	Kedah	8
3	Pulau Pinang	5
4	Perak	8
5	Negeri Sembilan	5
6	Melaka	2
7	Johor	17
8	Pahang	8
9	Kelantan	1
10	Terengganu	7
11	Selangor	92
12	WP Kuala Lumpur	32
13	WP Putrajaya	5
14	Sabah	0
15	Sarawak	0


Jadual 1 : Peserta Mengikut Negeri

Bil	Negara	Peserta
1	Brunei	4
2	Singapura	1

Jadual 2 : Peserta Dari Luar Negara




Rajah 2 : Purata Umur Peserta



Rajah 3 : Pecahan Peserta Mengikut Kerjaya

5. PENCAPAIAN

Pencapaian dan keberhasilan setiap peserta adalah sangat berbeda. Ada peserta yang berjaya mencapai hafalan Al Quran dalam masa sebulan itu, hanyab sebanyak satu, dua, tiga juz. Ada yang mencapai 10 juz dan ramai juga yang melebihi 20 juz malah ada yang berjaya mencapai 30 juz dalam tempoh masa program itu.



Rajah 4 : Peratusan Pencapaian Pelajar Mengikut Hasil Hafalan Sebulan

6. FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL (*CRITICAL SUCCESS FACTORS*)

Tentunya tiada siapa yang boleh menjamin seseorang itu berjaya menghafal 30 Juz Al Quran, apatah lagi dalam masa singkat 35 hari. Perlu ditekankan bahawa berapa juga jumlah juzuk yang dapat dihafal semasa program berjalan sebenarnya itulah kejayaan yang Allah anugerahkan dan yang perlu disyukuri. Tentunya bukan kita yang menentukan kejayaan atau "result" itu. Ianya adalah mukjizat dan anugerah Nya. Namun disebalik itu, usaha dan keikhlasan semestinya memainkan peranan. Berdasarkan pengalaman kami, antara faktor kejayaan kritikal adalah seperti berikut :

- a) Garis Panduan (*Standard Operating Procedure*) Karantina Tahfiz
- b) Tahap dan Kelancaran Bacaan
- c) Kesihatan (Mental dan Fizikal)
- d) Kaedah Yadain

6.1. Garis Panduan (*Standard Operating Procedure*) Karantina Tahfiz

Penyelenggaraan Program yang dijalankan oleh kami adalah dilakukan hampir 100% seperti yang ditetapkan oleh pihak Yayasan Karantina Tahfidzh AlQuran Indonesia. Selain dari itu, pihak kami telah mengambil inisiatif dan mendapat kebenaran untuk menambahbaik beberapa ciri Program untuk disesuaikan dengan keadaan semasa dan keadaan tempatan. Di antara aspek Garis Panduan (SOP) yang terserlah ialah

- I. Penerangan diawal program tentang metodologi menghafal Al Quran mengikut Yada'in Litahfizhil Quran bersama tadabur.
- II. Keperluan untuk semua peserta tinggal bersama sepanjang program berlangsung (*residential program*).
- III. Konsep kuarantin dimana peserta juga dimestikan meninggalkan perkara perkara yang mengganggu proses hafalan, termasuk tv, radio, akhbar dan juga sebarang hubungan telepon dan media sosial. Semua telefon mudah alih akan disimpan pihak penganjur dan cuma akan dipulangkan sementara, ketika waktu rehat selama 3 jam setiap hujung minggu
- IV. Mengikuti jadual harian, berdamping dengan Al Quran selama antara 11 hingga 13 jam sehari.
- V. Penekanan disiplin yang ketat mengikuti peraturan dan garis panduan program.

CONTOH JADUAL HARIAN
KARANTINA TAHFIZ MALAYSIA

WAKTU	AKTIVITI
4.15 pagi	Wake up Call (Hotel)
4.15 – 4.45 pagi	Bangun dan Qiamulail
4.45 – 5.45 pagi	Sesi 1 – Dewan
5.45 – 6.15 pagi	Solat Subuh Berjemaah (Surau)
6.15 – 8.00 pagi	Sesi 2 – Dewan
8.00 – 9.00 pagi	Sarapan & Mandi
9.00 – 12.00 tengah hari	Sesi 3 – Dewan
12.00 – 1.00 tengah hari	Tidur Siang
1.00 tengah hari	Wake up Call (Hotel)
1.15 – 2.15 petang	Solat Zohor Berjemaah & Makan Tengah Hari
2.15 – 4.15 petang	Sesi 4 – Dewan
4.15 – 4.45 petang	Solat Asar Berjemaah (Surau)
4.45 – 6.15 petang	Sesi 5 – Dewan
6.15 – 7.15 petang	Makan Malam/ Mandi
7.15 – 7.45 malam	Solat Maghrib Berjemaah
7.45 – 8.20 malam	Sesi 6 – Dewan
8.20 – 8.50 malam	Solat Isyak berjemaah
8.50 – 10.00 malam	Sesi 7 – Dewan Teratai
10.00 malam	Tidur malam

Jadual 3 : Aktivi Harian Sepanjang Program Hafazan Karantina Tahfiz Malaysia

6.2. Tahap dan Kelancaran Bacaan

Tahap kelancaran seseorang membaca Al-Quran beserta hukum tajwid yang baik dan makhraj yang sempurna sebelum memasuki Program mempengaruhi potensi jumlah hafalan peserta semasa Program. Berdasarkan pengalaman, jika tahap bacaan merupakan Tahsin maka jangkaan hafalan yang diperoleh adalah antara 1-5 juz sahaja untuk Program Sebulan itu. Manakala pencapaian melebihi 20 juz hinggan 30 juz adalah terdiri dari mereka yang benar benar lancar dan sempurna tajwid meeka.

6.3. Kesihatan (Mental, Fizikal)

Biasanya secara kasarnya, penyertaan peserta adalah terbahagi kepada dua kelompok. Satu kumpulan terdiri dari mereka yang benar benar ingin menghafal Al Quran dan mensyukuri peluang yang diberi. Mereka datang dengan minda yang terbuka dan bersedia mencuba kaedah atau teknik yang di perkenalkan.

Sekumpulan yang lain pula adalah mereka yang tergolong dalam kategori "paksa rela". Mereka menyertai program atas desakan ibubapa dan sebagainya dan oleh yang demikian, kesediaan mental mereka tidak serupa dengan kumpulan satu tadi. Jadual yang padat sepanjang 35 hari itu tentunya menyumbang kepada prestasi seseorang itu. Tidak dapat dinafikan ada kalanya terdapat peserta, walau dari golongan mana pun, yang merasakan dirinya tertekan dan stres ketika berada didalam program. Antara penyebabnya ialah ketidakupayaan menguasai Kaedah Yadain secepat mungkin. Ini seterusnya melambatkan proses hafalan dan menambah pula tekanan mental mereka.

Kesihatan Fizikal juga merupakan faktor mempengaruhi pencapaian para peserta. Selain dari keberadaan bersama di dalam satu dewan halaqah siang dan malam selama 35 hari, jadual yang padat juga memainkan peranan. Gangguan kesihatan boleh berlaku apabila tahap kelemahan fizikal semakin menurun akibat kekurangan masa rehat dan masa tidur.

6.4. Metode Yadain Litahfizhil Quran: Visualisasi Tadabbur dan Al Quran Virtual (Yadi Iryadi: 2019)

6.4.1. Pengertian

Adapun kaedah Yadain Litahfizhil Quran yaitu berasal dari kata “Yadun” yang artinya tangan, kemudian “Yadain” yaitu dua tangan. Sedangkan menurut istilah berarti suatu cara untuk memudahkan menghafal Al Quran dengan tadabur 2 tangan.

6.4.2. Visualisasi Tadabbur

Semua kaedah menghafal Al Quran pasti dibaca secara berulang. Pengulangan hafalan membuat hafalan menjadi lebih lancar. Perbedaan Kaedah Yadain, yaitu menghafal Al Quran disertai pemahaman tadabur, saat bacaan ayat diulang sambil dibayangkan visualisasi alur maknanya:

- Siapa pelaku? aku, kamu, kalian, dia, mereka, kami, nama, dan asmaul husna.
- Bagaimana sifat? baik (kanan), jahat (kiri), beriman (kanan), kafir (kiri).
- Di mana tempat? dunia (dunia), akhirat (kanan), dan neraka (kiri) surga (kanan).

Jawapan pertanyaan tersebut disingkatkan menjadi dua bahagian, iaitu tangan kiri (keburukan) dan tangan kanan (kebaikan). Inilah intisari Kaedah Yadain Litahfizhil Quran yang cuba meringkaskan isi kandungan Al Quran berdasarkan kebaikan di sebelah kanan (haq) dan keburukan (bathil) di sebelah kiri. Sementara itu, tempat misalnya Syurga di kanan, Neraka di kiri, Langit Bumi di kiri sedangkan Akhirat di kanan dan sebagainya. Implikasi ketika membaca ayat Al Quran yang disertai tadabur maka kenikmatan bacaan AlQuran akan menjadi ketara seperti membaca cerita novel.

6.4.3. Al Quran Virtual

Dalam usaha menggambarkan Al Quran dalam fikiran (virtual) tidak digalakkan diucapkan ayat tersebut kecuali ayat tersebut telah berjaya digambarkan di dalam fikiran. Setelah beberapa kata berjaya digambarkan umpamanya 3 atau 4 kata maka barulah dibaca secara berulang sampai hafal dan membentuk Al Quran Virtual didalam pemikiran masing masing.

7. PROSES MURAJAAN PASCA PROGRAM KARANTINA HAFAL QURAN SEBULAN

Cabaran setiap huffaz ialah bagaimana mengekalkan hafalan mereka, apatah lagi setiap orang memiliki kesibukan yang berlainan setelah pulang ke persekitaran masing masing. Untuk Karantina Tahfiz, bersesuaian dengan “tagline” kami, Hafal Quran Sebulan, Murajaah Seumur Hidup, maka para peserta dibekalkan dengan jadual harian/mingguan untuk diikuti sebagai satu cara memantapkan hafalan.

Perlu ditekankan bahawa Program Sebulan ini adalah merupakan program dasar “entry level”. Program selanjutnya adalah Program Mutqin 3 Bulan. Walau bagaimana pun, kami belum bersedia untuk mengendalikan program sedemikian. Untuk memenuhi permintaan alumni kami, kami menjalin hubungan dengan rakan mitra Maahad Tafiqh Karantina Riau di Pekanbaru Indonesia. Disana, selain dari program karantina hafal Al Quran, mereka juga mengendalikan Karantina Bahasa Arab yang membolehkan peserta berkeupayaan membaca kitab kuning. Setakat ini, terdapat beberapa alumni kami yang telah melanjutkan pengajian mereka kesana.

KESIMPULAN

Sebagaimana yang ditekankan sebelum ini, pendekatan yang kami ambil melalui Program Karantina Tahfiz Hafal Quran Sebulan, Murajaah Seumur Hidup ini adalah untuk memberi peluang dan ruang kepada mereka yang mungkin tidak berpeluang langsung menghafal Al Quran dalam kehidupan mereka. Antara kumpulan sasaran kami yang khusus adalah pelajar lepasan sekolah menengah dan juga universiti, yang tidak semestinya daripada aliran agama.

Kami mengharapkan sedikit sebanyak pencapaian hafalan Al Quran didada mereka akan membantu dalam urusan kerjaya masing masing kerana kemungkinan dalam karier mereka, ada yang akan menjadi guru, akauntan, jurutera bahkan kemungkinan akan menjadi seorang pengubal dasar dinegara kita nanti. Semoga kefahaman Al Quran dapat membantu mereka khasnya golongan profesional ini dalam membuat keputusan keputusan yang baik bukan saja dalam kerjaya masing masing tetapi juga dalam kehidupan keluarga mereka.

RUJUKAN

Al Quran Al Karim Kamus Harfiah Kaedah Al Furqan. 2016. Pendidikan Arab Al Furqan

Solahuddin Ismail.2018 *Sejarah Perkembangan dan Status Terkini Pengajian Tahfiz di Malaysia : Manhaj dan Model*. Pusat Pengajian Kerajaan COLGIS Universiti Utara Malaysia

Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak.2018. *Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta*. Jurnal Pendidikan Malaysia SI 1(1)(2018):141-148

<https://www.hafalquransebulan.com/metode-yadain-litahfizhil-quran-visualisasi-tadabbur-dan-al-quran-virtual/> . Diakses pada 18 Oktober 2019

<https://alhijrahnews.com/2019/01/28/pusat-tahfiz-aaspirasi-rahmatan-lil-alamin/> Diakses pada 24 Oktober 2019